

MINIT MESYUARAT
WORKING GROUP LHDNM DENGAN PERSATUAN AKAUNTAN DESIRE –
BIL. 1/2012

Tarikh : 3 Julai 2012 (Selasa)
Masa : 2.30 petang
Tempat : Bilik Mesyuarat Bendahara, Aras 1, Menara Hasil, Cyberjaya.

Kehadiran:

1. WAKIL LHNDM		
1.	YBhg. Dato Mohammad Sait Bin Ahmad	Timbalan Ketua Pengarah (Operasi Percukaian) (Pengerusi)
2.	En. Mohd. Nizom Sairi	Pengarah Jabatan Siasatan (JS)
3.	En. Mahmood Daud	Pengarah Negeri Selangor (PPN Selangor)
4.	YBhg. Datin Josephine John	Pengarah Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PPN WP Kuala Lumpur)
5.	Cik Halijah Bulat	Pengarah Jab. Dasar Percukaian(JDP)
6.	Puan Salmah Kassim	Pengarah Jab. Undang-undang (JUU)
7.	Cik Puteh Mariah Binti Harun	Pengarah Jab. Pungutan Hasil (JPH)
8.	Puan Mariam Mohd	Pengarah Jab. Teknologi. Maklumat (JTM)
9.	Puan Rozina Binti Shaik Osman Merican	Pengarah Negeri Wilayah Persekutuan Putrajaya (PPN WP Putrajaya)
10.	En. Mohammed Noor Bin Ahmad	Timb. Pengarah Jab. Operasi Cukai (JOC)
11.	En. Marzelan Bin Kamaruddin	Pengarah Jab. Pemprosesan Maklumat (JPPM)
12.	En. Sezali Bin Othman	Pengarah Bhgn. Prcgn. Korporat, JKK.
13.	Tuan Syed Hamid bin Syed Ahmad	Pengarah Bhgn. Pembangunan Audit, JPC.
14.	Puan Jalina Binti Abu Bakar	Pengarah Bhgn. Aplikasi e-Services, JTM

15.	Puan Umi Kalsom Binti Harun	Pengarah Bahagian Dasar & Operasi Pungutan, JPH.
16.	En. Anim Omar	Pengarah Bahagian Pembangunan. Pungutan, JPH.
17.	Cik Norhayati Binti Mat Kassim	Pengarah Bahagian Pembangunan Operasi, JOC
18.	Puan Salmah Binti Che Ros	Pengarah Pusat Khidmat Pelanggan, JKK
19.	Pn Wan Saodah Binti Wan Abu Bakar	Pengarah Bahagian Pengurusan Pelanggan, JOC (Urus setia)
20.	En. Mohamad Nizar Mokhtar	Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Pelanggan, JOC (Urus setia)
21.	Puan Muzlifah Bt.Musa	Pegawai Hasil, Bahagian Aplikasi e-Services, JTM (Urus setia)
2. WAKIL PERSATUAN AKAUNTAN & PENGAMAL PERCUKAIAN		
1.	En. Lim Kah Fan	Chartered Tax Institute of Malaysia (CTIM)
2.	Pn. Seah Siew Yun	CTIM
3.	En. Lim Kok Seng	CTIM
4.	En. Poon Yew Hoe	CTIM
5.	Pn. Yamuna Supperamaniam	CTIM
6.	Encik Beh Tok Koay	Malaysian Institute of Accountants (MIA)
7.	Puan Pauline Tam	MIA
8.	Puan Azlina Binti Zakaria	MIA
9.	Puan Yeong Hoon Li	MIA
10.	Puan Theresa Goh	MICPA
11.	Puan Woon Yoke Lee;	MICPA

12.	Encik Tang Chin Fook	MICPA
13.	Puan Cheong Li Wei	MICPA
14.	Encik Ong Whee Tiong	Persatuan Institut Setiausaha dan Pentadbir Berkanun Syarikat (MAICSA)
15.	Encik Johnny Yong	MAICSA
16.	Encik Peter Lim	MAICSA
17.	Dr. Zalina Binti Dato' Haji Mohd Sahir	ICMA
18.	Encik Azmi Bin Jaafar	ICMA
19.	Encik Lau Hau Chong	MACS
20.	Haji Osman Ujang	MACS
21.	Encik Kok Lee Wing	MACS
22.	Haslinda Azman	MATA
23.	Terry Hia	CPA Australia
24.	YBhg. Dato' Shahmin Ta Bin Abdullah	Bekas Pegawai Hasil
25.	YBhg. Datuk Harpal S Dhillon	Bekas Pegawai Hasil

1. UCAPAN PENDAHULUAN Pengerusi

Pengerusi memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam sejahtera, salam 1Malaysia serta mengalu-alukan kehadiran semua ahli mesyuarat yang dapat menghadiri mesyuarat yang diadakan pada petang ini.

Selepas meminta setiap yang hadir dalam mesyuarat ini memperkenalkan diri masing-masing, beliau memaklumkan kesilapan urus setia yang tidak

mengenal pasti terlebih dahulu isu-isu yang telah dibangkitkan melalui Memorandum on Issues for DESIRE Meeting No. 1/2012 yang dikemukakan oleh pihak CTIM.

Sepatutnya, hanya isu-isu penambahbaikan dan pembaharuan sistem penyampaian oleh LHDNM dibincangkan dalam mesyuarat ini dan bukan isu-isu teknikal dan operasi yang dibangkitkan oleh pihak CTIM yang seharusnya dibincangkan semasa mesyuarat Dialogue Operasi & Teknikal. Berikutan kesilapan ini, perbincangan mesyuarat ini akan kelak bercampur aduk antara isu-isu penambahbaikan dan pembaharuan sistem penyampaian dengan isu-isu teknikal dan operasi.

Pengerusi maklumkan bahawa mesyuarat petang ini mencatatkan dua (2) mesyuarat yang dijalankan serentak, iaitu perbincangan

- isu-isu penambahbaikan dan pembaharuan sistem penyampaian DESIRE, dan
- sesi Dialog Teknikal & Operasi berasaskan Memorandum on Issues for DESIRE Meeting No. 1/2012 dan CTIM Memorandum on Collection Issues for Meeting (NO.1/2012) with Cik Puteh Mariah Harun.

Bahawa masih terdapat isu pelaksanaan operasi dan teknikal yang dikemukakan oleh persatuan untuk Mesyuarat Working Group LHDNM dengan Persatuan Akauntan (DESIRE) pada kali ini. Pada masa hadapan, **persatuan diingatkan supaya hanya isu-isu pembaharuan dan penambahbaikan operasi percukaian sahaja yang akan dibincangkan dalam mesyuarat DESIRE.**

Seterusnya, Pengerusi memaklumkan dan meminta izin dari ahli-ahli mesyuarat bahawa beliau terpaksa menghadiri satu lagi mesyuarat yang diadakan pada waktu yang sama dengan mesyuarat ini.

Beliau telah melantik En. Mohd. Nizom Sairi, Pengarah Jabatan Siasatan, sebagai Pengerusi Sementara untuk meneruskan sesi Dialog Teknikal & Operasi sebelum beliau kembali menghadiri mesyuarat ini.

Pengerusi Sementara mengalu-alukan kehadiran lewat wakil dari CPA Australia selepas wakil mengenalkan diri.

2. LAPORAN/ISU BERBANGKIT

ISSUES FOR DESIRE MEETING 1/2012 (3 JULY 2012)

I DESIRE Issues

1. Turnaround time for IRB to provide tax positions

Currently, only e-filing taxpayers may view their tax positions through e-Lejar. Request for a tax payment position can take over 3 weeks as they need to be approved by the heads of department. There is problem in contacting the heads of department.

Suggestion:

CTIM suggests that IRB provide a quick link at website to allow ALL taxpayers to view their tax positions. This will be more efficient for both the IRB and the taxpayers to ascertain the tax positions rather than waiting for a manual confirmation which could take longer processing time. CTIM suggests that the IRB sets a time line at a maximum of 2 weeks for the IRB to provide the latest tax position / e-Lejar.

Jawapan JPH:

Pengarah JPH memaklumkan bahawa e-lejar hanya boleh di akses dengan menggunakan ID e-Filing. Ini kerana tujuan utama ialah untuk menggalakkan pembayar cukai menggunakan e-Filing.

eLejar individu memang telah dibuka dan digunakan oleh pembayar cukai individu. Malangnya server dan processing time menjadi penghalang untuk sediakan eLejar dalam tempoh dua minggu dari tarikh transaksi. Masalah yang besar adalah mengenai bilangan e-filer yang makin meningkat dan kesannya telah meningkatkan masa prosesan untuk eLejar. Peningkatan ini tidak selaras dengan keupayaan dan masa prosesan server.

JPH memaklumkan data bayaran PCB dan CP500 telah dikemaskini sehingga bulan Mei.

Wakil CTIM memaklumkan kebanyakan pembayar cukai memerlukan data eLejar mereka dikemaskini dengan kerap kerana mereka khuatir pihak majikan mereka tidak meremitkan PCB mereka.

PPNWPKL memaklumkan apabila pembayar cukai meminta kedudukan cukai yang dipohon di pihak cawangan memerlukan masa sehingga 3 minggu adalah kerana volume permohonan yang diterima adalah tinggi.

eLejar real-time on-line tidak dapat disediakan buat masa ini adalah kerana sebab-sebab keselamatan (security) maklumat dan data yang disimpan oleh LHDNM. LHDNM sedang berusaha untuk menambahbaik sistem menuju ke arah real-time on-line di masa hadapan. Diharapkan ia dapat dilaksanakan selewatnya bulan Disember bergantung keupayaan pembekal sistem menyediakan.

2. Records missing for e-filing

Many members reported that records to draft Borang BE have gone missing during April 2012 filing. In one case, more than 400 files were missing. The problem had been rectified by the IRB on case to case basis. However, no explanation was provided for the cause of missing records. Few records were somehow still unrecoverable and information had to be re-entered.

Suggestion:

This is not the first occurrence. However, the number of tax files affected this year is very large. CTIM suggests that IRB provides an explanation on the cause of the missing records so that steps can be taken to ensure that it would not happen again in the coming filing. This is to enhance transparency and the confidence of e-filer.

Jawapan JTM:

Pengarah Bahagian Pembangunan Aplikasi E-Services, JTM memaklumkan masalah telah diselesaikan bila dipisahkan antara sistem TAeF dan SPSP Digicert Management Sistem dalam database. Insiden teknikal ini berlaku sekali sahaja pada 22 Mac 2012.

Pengerusi Sementara meminta agar perkara sebegini diharapkan tidak akan berulang lagi. Terutamanya, amalan ini tidak dilakukan pada waktu puncak penghantaran BNCP. Berhubung isu integriti dan kehilangan data yang dikhuatiri oleh pembayar cukai, Pengarah JTM menekankan, tindakan kawalan telah dilakukan oleh JTM dan tidak perlu dikhuatiri kerana pihak LHDNM sentiasa peka dan amat mengutamakan keselamatan data dan maklumat tanpa kompromi.

3. Income Tax Act 1967 at IRB website is not updated

We notice that the Income Tax Act 1967 published at the IRB's website is not kept up to date to reflect the latest development of new section and the amendment made to the existing section of the Act. One of the examples that we would like to highlight is on Part XV of Schedule 1 to the Act, and also on the new Section 83A to the Act. We notice that the IRB has yet to update these Sections at the website.

Suggestion:

In this respect, it would be pleased if the IRB may ensure that the Income Act 1967 published at the IRB website is kept updated to cater the latest development on the Act for the ease of reference to the taxpayers and the public overall.

Jawapan JUU:

IRB is in the final stages of updating the Income Tax Act 1967 [Act 53] to incorporate latest amendments made through the Finance Act 2012 [Act 742]. The updated version of Act 53 will be published in IRB website soon.

Pengarah JUU memaklumkan pindaan akta yang diterbitkan dalam laman sesawang LHDNM adalah termasuk history setiap pindaan subseksyen dalam akta. Penerbitan ACP 1967 akan disegerakan selewat-lewatnya dalam minggu ini selepas dimuktamadkan.

II Filing Issues

4. Criteria on incomplete ITRF

Members are of the opinion that some of the ***Criteria on Incomplete ITRF*** errors / mistakes are arguably immaterial. For example, error in filling up basic information or accounting period, etc. Should a resubmission has to be done because of such mistakes in the forms, the IRB has indicated that penalty under Section 112(3) of the ITA will be imposed in case of late resubmission of the ITRF.

Somehow, mistakes as such are not serious offence which should attract severe penalty under Section 112(3). Even with the errors, the IRB can still rely on the other basic information to verify the identity of the taxpayers. For instance, in the event that a typo error is made to the name of taxpayer, the IRB can verify the identity by checking on the following:-

- a. NRIC number / business registration number; and
- b. Income tax reference number.

By matching the basic information as listed above, the IRB would be able to identify the identity of the taxpayer. It is noteworthy that human errors are unavoidable in filling up ITRF more so if such errors / mistakes do not lead to any impact in the process of the ITRF especially in the case where submission is done through e-Filing.

The IRB can always verify the taxpayers' identity through verbal / written confirmation with taxpayers themselves or their tax agents. In most cases, taxpayers would have settled their taxes either by way of instalment payments under Section 107 / 107B / 107C of the Act or payments of balance of tax payable under Section 103(1) of the Act upon the submission of ITRF. If they have not done so, other provisions such as Section 103(3) / (4) of the Act may apply and penalise the taxpayers for non-compliance. Hence, we are of the opinion that there is no loss of revenue to the

government as a result of the above-mentioned immaterial inaccuracy of information.

Suggestion:

In this respect, we would appreciate it if the IRB may relax on the criteria on incomplete ITRF to take into account the rationale mentioned above.

CTIM is of the view that if the error made is unintentional and does not cause any loss to revenue, then in principle penalty should not be imposed. CTIM suggests that the IRB gives a 30 day timeline for the taxpayers to rectify the error, failing which penalty of late filing will be imposed.

Jawapan JPPM

Pengarah JPPM memaklumkan pihak LHDNM mengakui maklumat yang mengakibatkan sesuatu BNCP menjadi tidak lengkap adakalanya tidak penting (immaterial) dan tiada kesan ketara terhadap taksiran, tetapi ianya menyebabkan lebih banyak tindakan dan masa yang diperlukan untuk memproses sesuatu borang. Contoh no kad pengenalan dan no rujukan yang dinyatakan di Borang Nyata Cukai Pendapatan tak sepadan. JPPM tidak pasti yang mana satu betul, nombor kad pengenalan atau nombor rujukan. JPPM perlu menghubungi agen cukai atau pembayar cukai untuk mendapatkan kepastian dan tindakan ini akan melambatkan pemprosesan borang tersebut.

Penalti kelewatan penghantaran semula borang disebabkan kesilapan mengisi maklumat tetap dikenakan untuk mencegah kesilapan dari terus berlaku dan untuk mengelakkan penghantaran BNCP di saat-saat akhir sebelum tarikh akhir penghantaran. Cadangan memberikan tempoh lanjutan 30 hari untuk pembayar cukai membetulkan kesilapan tidak dapat diterima kerana tempoh masa penghantaran borang yang betul telah dipersetujui oleh semua pihak pada asalnya. Lagipun, langkah ini diambil sebagai tindakan pencegahan dan kawalan dari berlakunya pembayar cukai mengambil kesempatan atas peluang yang diberikan.

Seterusnya, beliau menyarankan agar ejen-ejen cukai menggunakan kemudahan e-filing yang telah disediakan dan juga menasihati pelanggan mereka (pembayar cukai) menggunakan e-Filing sepenuhnya untuk mengelakkan kesilapan mengisi maklumat dan kelewatan penghantaran borang yang menyebabkan pengenaan penalti.

Pertimbangan untuk menarik balik penalti yang telah dikenakan boleh dilakukan sekiranya rayuan pembayar cukai mempunyai asas yang kukuh dan boleh diterima oleh LHDNM.

5. No column for deduction of “OHQ” exemption

In the individual income tax returns, there is no column for deduction of chargeable income exempted from tax such as exemption for employment with company granted the status of Operational Headquarters [“OHQ”].

As such, the said exemption has to be set-off against the statutory employment income for the purpose of disclosure in the tax returns. Although the net effect is the same (i.e. the tax payable is not over / understated), it does not reflect the accuracy of the statutory employment income as the mechanism of computing the income exempted is after the claim of reliefs.

Suggestion:

Therefore, we would suggest that a column be provided for in the individual tax returns to cater for such deduction.

Jawapan JOC:

Pengarah Bahagian Dasar Operasi, JOC memaklumkan bahawa tambahan ruangan untuk pengisian pendapatan yang dikecualikan bagi individu bukan warganegara yang bekerja dengan syarikat ibu pejabat operasi atau pejabat serantau akan mengelirukan majoriti pembayar cukai lain yang tidak berkaitan. Kes seperti ini hanya melibatkan segelintir pembayar cukai sahaja.

Di samping itu, LHDNM kini ke arah mempermudah borang nyata cukai pendapatan (BNCP). Sehubungan itu, pembayar cukai berkenaan adalah dikehendaki membuat pengiraan secara berasingan dan hanya melaporkan bahagian pendapatan berkanun daripada penggajian yang boleh dikenakan cukai di dalam BNCP.

6. e-Filing issues

We have received calls from the members informing the difficulties they encountered with e-Filing on TAeF System recently. Members have informed that several emails have been sent to the IRB's helpITes@hasil.gov.my but to no avail. Below is a summary of the types of difficulties encountered:

- i). e-CP204 -- ("Draft" watermark appears on the printed copies of submitted forms)

Members have informed CTIM that they have encountered problem where some of the e-CP204 which were submitted in the past have now re-appeared as "Draft" on the printed copies of the final submission forms.

CTIM would like to seek IRB's clarification on this matter.

- ii). e-CP204A

Members have informed CTIM that after successfully registering for the e-CP204A, as they want to proceed for the completion of the form by clicking on "Isi Borang" button, the ("ralat") page is prompted.

CTIM would like to seek IRB's clarification on this matter.

- iii). e-forms created and submitted but cannot be found in the IRB's system

In another situation, members have informed that they encountered error whereby some of the e-forms created and submitted in the past are no longer in the IRB's system.

CTIM would like to seek IRB's clarification on this matter.

- iv). Unable to view the registered e-forms in the e-filing system

We have been informed by the members that there are situations where the e-forms which have been registered (“Daftar”) are unable to be viewed from the IRB’s system. When they tried to re-create the form (i.e. re-register), the system prompted a message that the form has already been registered.

Members have sought advice from the IRB to delete the form. However, they have been informed that the forms do not exist (“tidak wujud”).

CTIM hopes that the IRB could provide explanation and resolve this matter urgently.

Jawapan JTM:

Pengarah Bahagian Pembangunan Aplikasi E-services, JTM memaklumkan pembetulan kesilapan alamat e-mel yang betul adalah helpITef@hasil.gov.my .

Berhubung isu “Draft” watermark appears on the printed copies of submitted forms dan “the (“ralat”) page is prompted”, beliau memaklumkan dikenalpasti kadang-kadang berlaku herotan dalam sistem maklumat pada awalnya. Tetapi tindakan pembetulan telah diambil segera apabila ia berlaku supaya tidak berulang lagi di masa hadapan.

Pengerusi menekankan bahawa, pembayar cukai hendaklah segera memaklumkan segera kepada pihak LHDNM yang bertanggungjawab apabila menghadapi masalah berhubung dengan sistem e-Filing dan tidak menunggu ke saat akhir untuk membuat pengaduan atas masalah yang dihadapi. Ini dapat mengelakkan perkara masalah ini dari dibawa masuk ke dalam meysuarat ini di masa hadapan.

III Operations Issues

7. Submission of RPGT returns

Section 21B of the RPGT Act 1976 provides that the acquirer shall retain the whole sum of money or a sum not exceeding 2% of total value of the

consideration, whichever is the lesser and he shall within 60 days after the date of such disposal remit the amount to the IRB. Normally, 2% of total value of sales consideration will be higher than the actual tax liability (i.e. 5% on chargeable gain). In this respect, it may have a direct impact to the taxpayers' cash flow.

To address this, the IRB has in the dialogues with the professional bodies on 17th December 2009 and the 2010 Filing Programme and 2011 Filing Programme, agreed to expedite the process of finalisation of RPGT returns, i.e. to process the RPGT returns within 90 days from the date of receipt of complete information and documents. Item 13.3(ii) of the Minutes of Dialogue on 17th December 2009 for Post 2010 Budget Issues and the 2010 Filing Programme and 2011 Filing Programme have reference.

Despite the above, based on our experience in handling RPGT return submissions, the notifications of non-chargeability / notices of assessment are only issued between 9 to 18 months from the date of submission to the IRB albeit numerous follow-up through phone calls and reminder letters have been made.

We further notice that the 90 days commitment has been withdrawn from the 2012 Filing Programme.

Suggestion:

CTIM would appreciate it if the IRB will rectify the above issue and commit to the timeline as promised to ensure that the new Section 21B of the RPGT Act 1976 does not unjustly cause taxpayers to be in a disadvantageous position.

Jawapan JOC:

Pemfailan Borang CKHT tidak dimasukkan dalam Program Pemfailan BNCP 2012 kerana maklumat yang disampaikan dalam Program 2010 dan 2011 berkaitan CKHT didapati sama seperti yang terdapat dalam Akta. Dalam hal ini ianya tidak memerlukan kuasa Ketua Pengarah untuk mengeluarkan arahan berlainan.

Berkaitan komitmen untuk memproses CKHT dalam tempoh 90 hari, ianya merupakan komitmen umum. Namun memang diakui terdapat kes yang diselesaikan lebih dari 90 hari kerana kes yang bukan straight forward.

Bagi kes lebih 5 tahun, rugi atau pengecualian Subseksyen 8, pembayar cukai dinasihatkan mengisi Borang CKHT 3 supaya tidak perlu membayar 2% dari wang balasan.

LHDNM sedang mengkaji semula prosedur kerja berkaitan taksiran CKHT agar pemprosesan borang CKHT dapat dipercepatkan.

8. Recovery of outstanding tax

Recently, the LHDNM has issued “without prejudice” letters (CP547X) to taxpayers with outstanding taxes for the years of assessment up to YA 2010 shown in the IRB’s records. It is clearly stated in the IRB’s letters that the taxpayers are required to revert to the IRB within fourteen (14) days from the date of the letters if an application for tax instalment payment scheme is required, and if the taxpayers disagree with the outstanding tax computed by the IRB, the taxpayers are required to settle the outstanding tax within the stipulated due date as demanded by the IRB. Any outstanding tax not paid by the due date would result in the IRB instigating legal action against the taxpayer besides invoking Section 104 of the ITA to prevent the taxpayers from leaving Malaysia. Such request generally does not attach a summary of the tax position reflecting how the outstanding balance was arrived at. This leads to delay in settlement especially when the balance is accumulated over a number of years.

From our observation, there has been a number of cases where the IRB has issued the request even though the taxpayers had fully settled all or part of the outstanding tax for the years of assessment up to YA 2010. As a result, the taxpayers have to lodge appeal to the IRB by providing their own computation and supporting documents. This has caused undue distress to taxpayers who need to explain and forward the necessary documents as proof of payment to the IRB.

Suggestion:

In order to improve the system and cut down unnecessary administrative time costs of IRB and the taxpayers, CTIM suggests that the IRB forward a statement of account and the designated officers' contact telephone numbers and email addresses together with the request for payment to the taxpayers so that any issues arising can be dealt with directly with the right person. This will improve the efficiency for both the IRB and the taxpayers.

Jawapan JPH:

Pengarah JPH memaklumkan surat pemberitahuan piawai yang biasa dikeluarkan kepada pembayar cukai untuk menjelaskan cukai yang masih tertunggak untuk sesuatu tahun berkenaan. Pihak JPH telah mengambil langkah berhati-hati sebelum surat itu dikeluarkan kepada pembayar cukai berasaskan sistem rekod lejar yang bakinya telah dikemaskini sahaja. Kesilapan pengiraan di pihak LHDNM telah banyak dikurangkan kerana langkah-langkah kawalan telah diambil dengan tanpa kompromi terhadap sebarang kesilapan. Kebanyakan kes rayuan yang diterima berhubung cukai yang telah dijelaskan oleh pembayar cukai didapati adalah tidak berasas.

Tuan Pengerusi menekankan tempoh 14 (empat belas) hari telah ditetapkan dan tidak akan diberikan lanjutan masa. Pembayar cukai boleh memohon lanjutan masa sekiranya mempunyai asas yang kukuh untuk dipertimbangkan oleh LHDNM bergantung pada budi bicara.

Tindakan untuk mengeluarkan penyata cukai kepada pembayar cukai di masa ini dan hadapan tidak dapat dipenuhi kerana LHDNM sedang mengambil tindakan mengurangkan penggunaan kertas sebagai langkah 'Go Green' seperti yang disarankan oleh kerajaan.

Tuan Pengerusi sekali menyerlahkan kepada ahli-ahli mesyuarat tentang komunikasi dua hala antara LHDNM dan pihak pengamal percukaian melalui kaedah penggunaan e-mel untuk sebarang aduan

atau rayuan. Dalam laman web LHDNM, terdapat nama-nama dan alamat e-mel PRO yang boleh dihubungi.

9 Short time frame to reply to field audit enquiry letter

We find that recently, the IRB has only allowed 7 days for taxpayers to reply to their field audit letters regardless of whether it is the initial field audit finding letter or subsequent letter. The initial field audit finding letter often contains an extensive list of issues that the IRB would like to pursue and thus, taxpayers would require more time to collate the information and documents required. At times, documents could be in the store of the taxpayers which are located outside of their office premises. The tight deadline is made worse in a recent case whereby the letter was received by the taxpayer after the 7 days deadline.

A request to IRB's officer in charge of the field audit for an extension of time usually results in a few more days' extension. We were informed that apparently this is due to the IRB's newly established KPI which requires the field audit officers to finalise a field audit case within 3 months.

Suggestion:

Whilst we welcome the IRB's commitment to finalise a field audit quickly, sufficient time should be given to taxpayers to collate information and documents. A 14-21 days period from the time of receipt of the field audit letter would be a reasonable timeframe for taxpayers. CTIM would strongly suggest that the IRB post-date their letters to take into account of postal delivery and allow a clear 14 – 21 days deadline to reply to the queries raised.

Jawapan JPC:

Pengerusi memaklumkan rangka masa tujuh (7) hari yang diberikan oleh LHDNM adalah bersamaan dengan tempoh masa yang diberikan oleh saman untuk menyelesaikan saman trafik. Ia juga sebagai tempoh masa kepada pegawai-pegawai audit supaya dapat menyelesaikan kes dalam tempoh masa yang singkat apabila maklumat yang dikehendaki dapat diperolehi segera.

Pengarah Bahagian Pembangunan Audit JPC menjelaskan bahawa rangka masa yang diberikan oleh LHDNM mengikut Rangka Kerja Audit adalah empat belas (14) hari. Oleh itu, beliau memohon pihak Persatuan Pengamal Percukaian memaklumkan segera pihak Jabatan sekiranya ada cawangan meminta maklumbalas atau maklumat dari pembayar cukai dalam tempoh masa yang singkat.

Menurut Pengarah Negeri WP Kuala Lumpur, situasi di mana kemungkinan rangka masa tujuh (7) hari diberikan kepada pembayar cukai adalah kerana dokumen/maklumat yang dihantar ke pejabat LHDNM tidak lengkap pada asalnya. Oleh itu tujuh (7) hari yang diberikan adalah lanjutan masa kepada masa empat belas (14) hari yang telah diberikan.

Surat-surat yang dikeluarkan oleh pegawai audit kepada pembayar cukai dicetak melalui sistem CMS. Oleh itu untuk memelihara integriti, tarikh surat adalah tarikh ianya dicetak dan tidak boleh dikehadapankan (*post dated*).

Bagi kes audit luar, surat ini akan di fax sekiranya nombor fax pembayar cukai dan agen cukai diketahui oleh pegawai audit. Mulai Februari 2012, pegawai audit telah diberi kemudahan e-mail sebagai satu saluran perhubungan dengan pembayar cukai dan agen cukai. Untuk keselamatan surat-surat yang di e-mail adalah dalam format pdf atau *scanned copy*.

Bagi kes audit meja, cara yang sama tidak dapat dilaksanakan disebabkan oleh jumlah kes yang banyak. Namun jika sekiranya berlaku kelewatan, LHDNM boleh membenarkan lanjutan masa dan kos ke atas permohonan lanjutan masa adalah sangat minima. Walaubagaimanapun, LHDNM akan mengkaji semula cadangan CTIM untuk *post-dated* surat-surat berkaitan audit.

10. Appeal for Lower “Estimated Tax Payable”

Subsection 107C (3) of the ITA provides that “the estimate of tax payable for a year of assessment shall not be less than eighty-five per cent of the revised estimate of tax payable for the immediately preceding year of assessment or if no revised estimate is furnished,

shall not be less than eighty-five per cent of the estimate of tax payable for the immediately preceding year of assessment”.

However, in certain circumstances, companies are unable to comply with the requirement. The IRB has issued a guideline for submission of CP 204, i.e. GPHDN No. 2/2008, to provide guidance to the tax agents / taxpayers on the policy and procedure adopted in allowing the application for non-compliance.

Pursuant to Paragraph 4 of the GPHDN No.2/2008, a property developer company which has no project and income for the coming year of assessment has applied to the IRB for submission of lower estimated tax payable. However, the application was rejected by the IRB without giving any reason.

Suggestion

CTIM suggests that in the event an application is rejected, the IRB can provide the reason for the rejection. This will improve clarity and enhance transparency. Without doubt, a better informed public will be more receptive to the IRB's explanation.

Jawapan JPPM.

Pengarah JPPM mengambil maklum cadangan pihak CTIM untuk LHDNM memberikan penjelasan mengapa penolakan ke atas permohonan. Oleh itu, usaha-usaha penambahbaikan dengan JTM dan JPH sedang dilakukan untuk menyediakan surat jawapan kepada pembayar cukai berhubung sesuatu sebab permohonan itu ditolak.

11. Submission of RA Forms and other tax incentives application Forms

We would like to seek IRB's confirmation if the RA and other tax incentive Forms are still required to be submitted to the Technical Department as there are feedbacks that some members who submitted the forms were advised by the IRB that they are no longer required to do so.

Jawapan JDP.

Pengarah JDP menekankan pembayar cukai tidak perlu mengemukakan borang berkenaan kepada LHDNM untuk tuntutan EPS. Walau bagaimanapun pembayar cukai hendaklah menyimpan borang tersebut sebagai justifikasi tuntutan semasa audit dijalankan.

12. Penalty on Tax Audit Adjustments

As a result of tax audit adjustments made due to timing difference, a taxpayer whose expenses charged in Year 2 were reversed out and charged to year one. As a result, the tax paid for year one become overpayment while tax paid for year 2 become underpaid. The IRB imposed penalty on the tax underpaid in year two.

CTIM is of the view that if there was no intention on the part of the taxpayer to take advantage of any tax deferment, there should be no penalty imposed as a result of the adjustment. We would like to seek IRB's confirmation on the issue.

Jawapan JPC.

Pengarah Bahagian Pembangunan Audit JPC memaklumkan Timing Difference masih dikenakan penalti kerana berlaku tangguhan cukai dan ini mungkin menjadi manipulasi pembayar cukai untuk mengambil kesempatan untuk menikmati kadar cukai yang berbeza antara tahun 1 dan tahun 2. Walau bagaimana pun sekiranya pembayar cukai dapat membuktikan bahawa tiada perancangan dibuat ia akan dipertimbangkan.

Penalti yang dikenakan adalah sebagai pencegahan dari berlakunya tangguhan cukai dan pembayar cukai mengambil kesempatan untuk kepentingan sendiri.

1. Issues Arising from Set-off and Tax Refund

The following are the issues relating to “set-off” and tax refund:-

- i). Members informed CTIM of challenges faced in getting approval for set-off or refund of tax overpayment, as there does not appear to be a uniform practice / standard used by the IRB officer. Some questions that have raised are:
 - What is the time frame to issue a set-off confirmation letter? Some taxpayers received at the spot and some received two weeks later; and

Jawapan JPH

Pengarah JPH memaklumkan surat pengesahan boleh dikeluarkan segera jika permohonan dibuat di kaunter sekiranya kes tiada masalah. Jika permohonan secara surat diterima, tindakan surat pengesahan akan dikeluarkan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja. Walaubagaimanapun, tertakluk kepada keadaan jika ada isu berbangkit atau memerlukan pengesahan lanjut. Ini mengakibatkan surat pengesahan tidak dapat diberikan dalam tempoh berkenaan.

Pengarah PPN WPKL mencadangkan kepada pengamal percukaian untuk memaklumkan kepada ejen cukai supaya menghantar surat secara serahan tangan ke kaunter atau faks dengan mencatatkan tajuk surat secara spesifik permohonan yang bagaimana mahu di pohon dari LHDNM.

Surat-surat permohonan “set-off” dan kes-kes syarikat boleh ditujukan khas untuk perhatian Encik Shahril Jalinus di CPKL. Manakala untuk kes-kes perseorangan/individu surat permohonan boleh dihantarkan terus ke alamat di mana lokasi fail pembayar cukai itu berada.

Pengerusi meminta ejen-ejen cukai mengemukakan surat permohonan secara 'satu surat untuk satu permohonan' bukan mengemukakan 'satu surat yang mengandungi banyak permohonan' yang menyebabkan isu lewat dapat diselesaikan oleh LHDNM kerana kes menjadi complicated. Ini merupakan amalan biasa penulisan surat perniagaan (*business letter*) yang benar.

Pengarah JPH juga meminta agar surat-surat permohonan yang telah dikemukakan kepada LHDNM tidak perlu disusuli dengan surat-surat peringatan untuk mengelakkan kes-kes disemak berulang kali oleh pegawai yang berlainan. Ini juga menyebabkan sistem maklumat JPH kesesakan.

Pengerusi juga memaklumkan, ejen-ejen cukai boleh menghantar imbasan surat permohonan bertandatangan (*scanned letter*) melalui e-mel yang diterimapakai oleh LHDNM sebagai media komunikasi dengan pihak luar. E-mel tersebut boleh dimajukan kepada PRO cawangan yang mana alamat mereka boleh didapati dalam laman web rasmi LHDNM untuk tindakan lanjut oleh cawangan.

- How long is the cheque-issuing process for tax refund?

The delay in the refund process has caused financial tight down in taxpayers' daily business.

CTIM hopes that for tax set off, the IRB could resolve this matter by providing adequate information on the process so that the tax agents and taxpayers will be clear on the status. For tax refund, it will be appreciated if the IRB could publish on its website the standard procedures (and requirements) and the flowchart of the refund/repayment process. This will improve transparency and reduce any dissatisfaction that taxpayers may have, due to perceive failure to obtain a quick refund/repayment. Without a doubt, a better informed public will be more receptive to the IRB's explanation.

Jawapan JPH:

Mengikut piagam pelanggan LHDNM:

Mengembalikan lebih bayaran/pembayaran balik cukai pendapatan bagi Borang Nyata Cukai Pendapatan yang lengkap dan betul dari tarikh penerimaan borang secara:

- e-Filing - 30 hari bekerja
- pos atau serahan tangan - 90 hari bekerja

Carta aliran lebih bayaran telah dimuatkan di Laman Web LHDNM.

- ii). In another situation, there is an undue time lag between the time the tax agents received the *refund approval* letter from IRB and the receipt of the cheque.

CTIM would like to request for speedier action on the tax refund. Taxpayers will need the time to plan their cash flow.

Jawapan JPH:

Pengarah JPH memaklumkan tindakan refund untuk sesuatu tahun taksiran mengambil masa 14 hari yang tertakluk kepada keadaan jika tiada isu berbangkit atau tidak memerlukan pengesahan lanjut.

Pengarah JPH meminta wakil persatuan pengamal percukaian memaklumkan kepada ejen-ejen cukai agar semua surat permohonan refund, bayaran ansuran atau kedudukan cukai hendaklah dikemukakan terus kepada cawangan-cawangan yang berkenaan bukan dihantar ke Ibu pejabat LHDNM. Sekiranya, surat-surat itu dihantar ke Ibu pejabat, ia akan dimajukan ke cawangan-cawangan yang berkenaan. Ini melewati proses dan tindakan yang perlu diambil untuk sesuatu permohonan itu.

- iii). The refund is not processed according to the chronological sequence of years. As a result, tax agents encountered great difficulty in establishing their client's tax account position. For example, the tax credit for a later year is refunded when the credit for the prior year has not been processed or refunded.

CTIM suggests that the refund be processed on year sequence unless with special reason so that taxpayers can maintain their payment status more clearly and efficiently.

Jawapan JPH :

Bayaran balik secara manual oleh Cawangan akan mengambilkira semua baki kredit yang boleh dibayar balik sehingga tahun semasa. Walaubagaimana pun terdapat juga kes dimana kredit pada tahun tertentu akan ditangguhkan pembayaran balik jika semasa proses bayaran balik terdapat taksiran belum dibangkitkan bagi sesuatu tahun, semakan audit belum selesai bagi sesuatu tahun dan Borang Nyata belum diterima.

2. Response to Appeal for Lower “Estimated Tax Payable”

Members informed that there have been cases where only verbal approval has been received in respect of the appeal for lower *estimated tax payable*. There was no written confirmation from IRB on the approval.

There is a concern that upon tax audit, tax agents would be unable to prove that there had been an approval on the appeal for the lower *estimated tax payable*.

CTIM would like to seek clarification on this matter.

Jawapan JPPM:

Pengarah JPPM meminta pihak CTIM memaklumkan kelulusan secara lisan itu diterima dari cawangan mana kerana ia bukan amalan biasa LHDNM. Beliau menekankan surat kelulusan rayuan ‘lower estimated tax payable’ hanya dikeluarkan oleh JPPM selepas dua hari diproses dalam sistem. Kemungkinan yang berlaku, ejen cukai yang mendapat

maklum balas secara lisan itu semasa surat itu dalam proses untuk dikeluarkan.

Sekiranya surat kelulusan masih belum diterima dalam tempoh empat belas (14) hari dari itu, pihak JPPM boleh dihubungi untuk mendapatkan surat kelulusan.

3. IRB requested for a tax audit, upon taxpayer's request for a set-off to be made.

It is commonly experienced that IRB will request for the taxpayer's case to be subject to an audit just as the taxpayer requested for a set-off using tax overpaid from past years or from overpayment of CP204.

CTIM would like to know the justification on this.

Jawapan JPC :

Pengarah Bahagian Pembangunan Audit, JPC memaklumkan bahawa sesuatu kes dipilih untuk diaudit bukan berdasarkan 'set-off using tax overpaid from past year'. Kes-kes diaudit berasaskan audit kriteria tertentu. Dalam kes ini, mungkin ia berlaku secara kebetulan pembayar cukai ada membuat permohonan set-off dalam masa yang sama mereka juga diaudit.

Bukan semua kes pembayaran balik tertakluk kepada tindakan audit cukai. Hanya kes-kes yang jatuh di bawah kriteria audit sahaja akan dikenakan semakan audit. Bagi kes begini bayaran balik akan ditangguhkan sehingga semakan audit selesai. Mulai tahun 2012, LHDNM telah mengubah prosedur bayaran balik di mana walaupun kes tersebut jauh di bawah kriteria audit, bayaran balik akan diproses tanpa menunggu semakan audit selesai. Walau bagaimanapun bagi kes-kes seperti berikut, bayaran balik akan ditangguhkan sehingga semakan audit selesai sekiranya kes memerlukan semakan audit.

- i.* Kesilapan tuntutan dan pengiraan
- ii.* Pegawai Dagang (Expatriate)
- iii.* HK-3 tidak lengkap
- iv.* Kes tuntutan seksyen lain-lain
- v.* Taksiran anggaran dan pendahuluan.

4. HAL-HAL LAIN

Pengerusi memaklumkan perkara-perkara penting yang melibatkan pengurusan ejen cukai seperti berikut:

i. Inisiatif Semakan Semula Lesen Perniagaan Bagi Agensi Di Kementerian Kewangan Di Bawah Program *Focus Group Business Process Re-Engineering (FGBPR)*;

Sebagai maklum balas kepada arahan pihak MoF dan PEMUDAH, LHDNM telah bersetuju bahawa permohonan ejen cukai adalah sebagai pendaftaran kelulusan untuk mengamalkan percukaian. Oleh itu, pembaharuan permohonan tetap diteruskan sebagai kesinambungan amalan dan profesion ejen cukai.

MoF masih kekal sebagai penyimpan sistem untuk pendaftaran ejen cukai mengikut status quo.

Dipersetujui bersama sama pihak bahawa Akuan Berkanun tidak perlu dikemukakan oleh pemohon ejen cukai. Pengesahan sijil-sijil secara elektronik dari penganjur kursus/seminar adalah diterima.

Kenaikan caj pemprosesan oleh MoF dari RM 50 kepada RM 300 masih belum diputuskan oleh MoF.

ii. Kod Etika Ejen Cukai Pindaan 4/2012;

Berdasarkan maklum balas dari pihak persatuan pengamal percukaian ke atas draf kod etika itu, pihak LHDNM telah membuat banyak pindaan sehingga dipersetujui oleh pihak persatuan.

Akhirnya, kod etika tersebut telah dihantar kepada MoF untuk kelulusan muktamad.

Kod Etika itu telah kini dimuatnaik dalam laman web rasmi LHDNM.

iii. Penggunaan MyCoID dalam Urusan Cukai Pendapatan Dengan LHDNM;

Sebagai menyahut seruan Kerajaan untuk kemudahan rakyat berurusan dengan lima (5) agensi kerajaan, pengguna MyCoID/ MyIdentity telah juga diamalkan oleh pihak LHDNM. Pembayar cukai tidak lagi perlu mengingati nombor fail cukai kerana dengan hanya menggunakan nombor kad pengenalan/ nombor syarikat semua urusan percukaian boleh dijalankan dengan pihak LHDNM. Pengerusi memaklumkan, ejen cukai boleh berurusan percukaian dan duti setem dengan LHDNM menggunakan nombor kad pengenalan / syarikat.

iv. Panduan Soalan Temu duga Ejen Cukai.

Pengerusi memaklumkan panduan soalan-soalan tersebut masih di peringkat semakan dan penelitian. Ia akan dimuatnaik ke dalam laman web rasmi LHDNM selepas diselesaikan untuk rujukan dan persediaan sebelum menghadiri temu duga bakal-bakal ejen cukai. Jawapan-jawapan untuk soalan-soalan temu duga itu nanti akan boleh didapati melalui kemudahan sistem e-Book yang dikenakan bayaran yang minimum selari dengan kemudahan e-Learning yang sedang dibangunkan oleh LHDNM.

Semua perkembangan terbaru menuju ke hadapan akan dihabarkan melalui RSS (Really Simple Syndication) untuk ejen cukai dan orang ramai yang telah mendaftar.

Pengerusi memaklumkan LHDNM sedang berusaha membangunkan kemudahan e-Learning secara interaktif. Di mana pada permulaan ini, ia yang sedang dalam peringkat pengujian di APM untuk kegunaan pelajar-pelajar yang terdiri dari staff LHDNM sendiri. Ini adalah untuk mengkaji tahap keberkesanannya sebelum kemudahan e-Learning ini disebarkan kepada ejen-ejen cukai.

5. PENUTUP

Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang hadir kerana mengaktifkan perbincangan. Mesyuarat ditamatkan pada jam 5.10 petang.